

D932

B B964 AAB
PM - SABAH

KUALA LUMPUR, 26 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD PETANG INI MENEMUI SECARA BERASINGAN PRESIDEN USNO TUN DATU MUSTAPHA DATU HARUN DAN PRESIDEN BERJAYA DATUK HAJI MOHAMAD NOOR MANSOOR DI PEJABATNYA DI SINI.

SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL ENCIK GHAFAR BABA TURUT HADIR PADA KEDUA-DUA PERJUMPAAN ITU.

BAGAIMANAPUN, NAIB PRESIDEN PARTI BERSATU SABAH (PBS) ENCIK MARK KODING YANG MENGETUAI ROMBONGAN 16 ORANG DAN TIBA DI SUBANG PETANG INI DARI KOTA KINABALU TIDAK MENEMUI DATUK SERI DR MAHATHIR.

PARA PEMIMPIN KETIGA-TIGA BUAH PARTI ITU KINI BERADA DI SINI UNTUK Mencari kata sepakat terhadap formula yang dicadangkan oleh DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGI MENYELESAIKAN KRISIS POLITIK DI SABAH SEKARANG.

ENCIK GHAFAR MULA-MULA SEKALI TIBA DI JPM PADA PUKUL 4.50 PETANG DAN DISUSULI OLEH TUN DATU MUSTAPHA 30 MINIT KEMUDIAN.

TUN DATU MUSTAPHA YANG BERADA DI IBU NEGARA SEJAK PETANG SEMALAM MENINGGALKAN JPM PADA PUKUL 5.50 PETANG. -- LAGI.

2011MST 26 03 84

D942

B B965 AAB

PM-SABAH 2 KUALA LUMPUR

DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG, ENCIK KODING MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA BELIAU DIJADUALKAN BERBINCANG DENGAN ENCIK GHAFAR MALAM INI.

MENJAWAB SOALAN PEMBERITA, ENCIK KODING YANG JUGA TIMBALAN KETUA MENTERI SABAH, BERKATA PERJUMPAANNYA DENGAN PERDANA MENTERI BERGANTUNG KEPADA HASIL PERTEMUANNYA DENGAN ENCIK GHAFAR.

DATUK HAJI MOHAMAD NOOR YANG JUGA TIBA DI SUBANG DALAM PESAWAT YANG SAMA DENGAN ROMBONGAN PBS TELAH MENEMUI DATUK SERI DR MAHATHIR PUKUL 6 PETANG.

SELEPAS PERTEMUAN KIRA-KIRA SEJAM, BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA YANG MENUNGGU DI LUAR PAGAR JPM BAHAWA +TIDAK BANYAK DIBINCANGKAN DAN KAMI AKAN BERTEMU LAGI ESOK+.

KATANYA PERBINCANGANNYA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR IALAH LANJUTAN PERTEMUAN MEREKA DI KOTA KINABALU ISNIN LALU. -- LAGI.

2027MST 26 03 84

D943

B B966 AAB

PM-SABAH 3 KUALA LUMPUR

DATUK HAJI MOHAMAD NOOR BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MEMASTIKAN SAMA ADA PERTEMUAN DENGAN PERDANA MENTERI ESOK AKAN DILANGSUNGKAN SECARA SERASINGAN ATAU BERSAMA-SAMA ENCIK KODING DAN TUN DATU MUSTAPHA.

MALAM INI DATUK HAJI MOHAMAD NOOR MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI BERJAYA YANG TURUT BERADA DI IBU NEGARA.

MENGULAS PERLETAKAN JAWATANNYA SEBAGAI PENERUSI BN SABAH, DATUK HAJI MOHAMAD NOOR BERKATA BELIAU BERPENDAPAT, +JIKA DAPAT DIADAKAN KERAJAAN CAMPURAN DI SABAH, LEBIH BERKESAN JIKA PERDANA MENTERI SENDIRI MENJADI PENERUSI BN SABAH+.

SEMASA KELUAR DARI PERKARANGAN JPM, ENCIK GHAFAR ENGGAN MENEMUI PARA PEMBERITA TETAPI SEKADAR MELAMBAIKAN TANGANNYA DARI DALAM KERETA YANG DIPANDUNYA SENDIRI.

TUN DATU MUSTAPHA JUGA TIDAK MENEMUI PARA PEMBERITA YANG MENUNGGU DI LUAR PAGAR JPM. -- LAGI.

2029MST 26 03 84

D955

B B969 AAB
PM-SABAH 4 KUALA LUMPUR

SEMASA DI SUBANG ENCIK KODING MENYATAKAN KEPADA PEMBERITA BAHAWA PRESIDEN PBS DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN TIDAK DAPAT DATANG KE KUALA LUMPUR KERANA BELIAU +KURANG SIHAT+.

KATANYA DATUK PAIRIN MUNGKIN DATANG APABILA KESIHATANNYA MENGIZINKAN.

MENURUT ENCIK KODING, KEDATANGAN MEREKA KE IBU NEGARA IALAH UNTUK MENEMUI +ORANG-ORANG TERTENTU+ UNTUK MEMBINCANGKAN LANGKAH SUSULAN KEPADA APA YANG DIPERSETUJUI OLEH DATUK PAIRIN SEMASA PERTEMUANNYA DENGAN PERDANA MENTERI DI KOTA KINABALU ISNIN LALU.

MENJAWAP SOALAN PEMBERITA, ENCIK KODING BERKATA, TERLALU AWAL BAGINYA MENGULAS TENTANG PANDANGAN PBS TERHADAP FORMULA ITU.

KATANYA BELIAU AKAN HANYA MEMBERI ULASAN KEPADA AKHBAR MENGENAI ISU ITU SETELAH PERTEMUAN DENGAN ENCIK GHAFAR YANG DIJADUALKAN MALAM INI. -- LAGI.

2049MST 26 03 84

D956

B B970 AAB
PM-SABAH 5 KUALA LUMPUR

MENJAWAB SATU LAGI SOALAN PEMBERITA, ENCIK KODING BERKATA PBS PERLU BERFIKIR SECARA POSITIF SAMA ADA IA BOLEH BEKERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG DALAM SEBUAH KERAJAAN CAMPURAN.

PEMBENTUKAN KERAJAAN CAMPURAN IALAH ASAS FORMULA YANG DICADANGKAN OLEH PERDANA MENTERI.

+ KAMI PERLU MEMIKIRKAN SESUATU BENTUK KERJASAMA,+ KATA ENCIK KODING.

DI MELAKA SEMALAM ENCIK GHAFAR MENGUMUMKAN BAHAWA SATU PERJANJIAN AKAN DITANDATANGANI DI SINI SEBAIK SAHAJA USNO, BERJAYA DAN PBS MEMPERSETUJUI FORMULA ITU. -- BERNAMA.

2050MST 26 03 84